

Putrajaya nafi cukai kad prabayar mahu biaya Umno hadapi PRU
The Malaysian Insider
10 September 2011

BACHOK, 10 Sept – Tuduhan sesetengah pihak kononnya cukai perkhidmatan enam peratus yang akan dikenakan ke atas pembelian tambah nilai prabayar, pek atau kad SIM adalah untuk Umno membiayai pilihan raya umum kelak, amat tidak bertanggungjawab.

Timbalan Menteri Kewangan Datuk Dr Awang Adek Hussin berkata dakwaan itu tidak benar sama sekali dan tiada kaitan langsung dengan pilihan raya.

“Ia satu tuduhan melulu dan tidak waras,” katanya dipetik Bernama Online.

Beliau mengulas laporan media kononnya caj berkeenaan yang dicadang dikuatkuasakan pada 15 September ini oleh syarikat-syarikat berkaitan adalah untuk Umno membiayai pilihan raya umum akan datang.

Awang Adek yang juga Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan yakin syarikat-syarikat berkeenaan akan mengambil tindakan bijak sesuai dengan saranan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak yang mahukan pihak terbabit menimbang semula keputusan itu.

Katanya, jika cukai itu tidak dikenakan ka atas pengguna, syarikat-syarikat berkaitan masih mampu meraih keuntungan.

“Cadangan itu sangat tidak sesuai dengan keadaan semasa yang mana kerajaan sekarang berusaha membendung inflasi supaya tidak membebankan rakyat,” katanya.

Awang Adek berkata jika syarikat-syarikat terbabit menyahut saranan Perdana Menteri itu, mereka bukan sahaja dapat membantu kerajaan merangsang ekonomi negara tetapi juga akan disanjung pengguna.

“Jika berlaku sebaliknya mereka seolah-olah membelakangi kerajaan,” katanya.

The Malaysian Insider
Hakcipta © 2011 The Malaysian Insider
Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/putrajaya-nafi-cukai-kad-prabayar-mahu-biaya-umno-hadapi-pru/>